

Tahlil di pekarangan hospital

Kerajaan janji hulu bantuan sewajarnya kepada waris mangsa tragedi

Klang: Suasana pilu menyelubungi sekitar Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini, selepas menjadi tumpuan waris serta keluarga 10 mangsa yang terkorban dalam nahas pesawat Beechcraft Premier 1 di Bandar Elmina, dekat Shah Alam.

Rata-rata mereka mula berkumpul sejak lewat malam kelmarin untuk menunggu perkembangan selepas semua mayat jenazah mangsa, termasuk cebisan anggota badan yang ditemui di lokasi nahas dibawa untuk tujuan pengecaman dan bedah siasat.

Malah, suasana pekarangan hospital bertukar hiba apabila dua kenderaan pacuan empat roda dan satu trak milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang membawa mayat 10 mangsa nahas itu tiba di Jabatan Forensik HTAR kira-kira jam 1.20 pagi.

Ahli keluarga dan waris bagaimanapun tidak dibenar memasuki pekarangan jabatan forensik ketika semua jenazah diturunkan, sebaliknya hanya menunggu di laluan masuk ke unit berkenaan.

Waris mangsa yang berada di situ juga sempat mengadakan tahlil serta bacaan surah Yasin.

Berdasarkan maklumat, urusan bedah siasat dijangka memakan masa dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, proses menuntut jenazah tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat ini, sebaliknya pa-



ling awal Isnin ini.

"Seperti saya cakap sebelum ini 22 sampel DNA sudah diambil (daripada waris mangsa). Bagaimanapun (proses) mengambil *human remain* (anggota badan) ini ada badan, ada kepala, ada cebisan.

"Mengikuti jabatan forensik, 200 lebih cebisan (jadi) ia memakan masa untuk mendapatkan, menguruskan padanan DNA dengan cebisan itu paling awal hari Isnin," katanya sambil menasihati waris dan keluarga untuk pulang menenangkan diri di kediaman dan rumah penginapan masing-masing.

Beliau juga mengambil kira keadaan cuaca panas di Jabatan Perubatan Forensik HTAR yang mungkin menjejaskan kesihatan keluarga yang menunggu.

PM hadir ucap takziah

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut hadir ke Jabatan Forensik HTAR dan sekali lagi mengucapkan takziah kepada waris mangsa nahas terbabit.

Beliau yang ditemani Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dibawa ke khemah menempatkan waris mangsa nahas untuk menziarahi mereka sebelum diberikan taklimat ringkas mengenai proses bedah siasat yang sedang



Anwar mengucapkan takziah kepada waris mangsa di Jabatan Forensik HTAR, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

berlangsung di hospital.

Ketika ditemui, Anwar berjanji kerajaan akan menghulurkan bantuan sewajarnya kepada waris mangsa yang terkorban dengan ketika ini membabitkan bantuan dalam soal pengurusan jenazah, semua kelengkapan berkaitan dan penginapan kepada semua waris mangsa.

Bantuan lain juga, katanya, akan disalurkan kepada waris, terutama bagi ahli keluarga yang tidak memiliki kerja tetap.

"Tindakan dilakukan sekarang ialah mempercepatkan proses forensik (bedah siasat) serta urusan berkaitan ujian DNA.

"Kemudian semuanya (proses pengurusan jenazah) akan diuruskan kerajaan, sebaik selesai (keseluruhan prosedur berkaitan), sama ada pihak majlis aga-

ma, kerajaan Selangor atau jabatan berkenaan.

"Kita dari segi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan bantu untuk meringankan beban keluarga mangsa," katanya.

Yang turut hadir Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Kesihatan, Dr Zaleha Mustafa.

Perdana Menteri turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada petugas keselamatan dan kesihatan yang membantu sepanjang pengendalian insiden berkenaan.

"Saya ikuti dari semalam (perkembangan kejadian). Alhamdulillah, saya bersyukur kerana petugas keselamatan, jabatan agama, jabatan forensik

dan beberapa badan kebajikan lain daripada kerajaan bertindak cekap.

"Dari segi persiapan penginapan semuanya diuruskan dengan begitu cekap dan saya bangga," katanya.

Dalam kejadian kelmarin, 10 mangsa terkorban apabila pesawat dengan nombor pendaftaran N28JV dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Kedah ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang terhempas di Bandar Elmina kira-kira jam 2.40 petang.

Pesawat dikesan melencong ke kanan dari laluan penerbangan dengan siasatan awal mendapati ia sudah mendapat kebenaran untuk mendarat oleh menara kawalan Lapangan Terbang Subang.